

**MH370: Tun Mahathir hairan teknologi canggih gagal kesan pesawat
Astro Awani
18 Mac, 2014**

KUALA LUMPUR: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad menyatakan rasa hairannya apabila pesawat MH370 dikesan dengan bantuan teknologi canggih.

Berita Harian melaporkan, Dr Mahathir berkata teknologi yang sama kebiasaannya mampu mengesan pergerakan sekecil manusia walau di mana mereka berada.

Namun katanya, teknologi yang sama gagal mengesan lokasi pesawat Boeing 777-200ER dan kekal misteri hingga ke hari ini.

"Saya melihat perkembangan ini (misi mencari dan menyelamatkan) dan berasa hairan kerana dalam dunia yang serba moden dan canggih dengan pelbagai teknologi, kita masih gagal mengesan pesawat yang sebesar 63 meter itu.

"Sedangkan dengan teknologi yang sama, kita boleh mengesan manusia walaupun seseorang itu berdiri di tepi jalan," katanya seperti dipetik Berita Harian.

Katanya, jika sesebuah pesawat terhempas di lautan atau di darat, sudah pasti satelit atau teknologi canggih milik kuasa-kuasa besar dunia mampu mengesan serpihan pesawat terbabit.

"Hari ini masuk hari ke-11 bagi misi pencarian pesawat MH370, saya amat sedih dengan kejadian yang berlaku dan saya faham perasaan sedih yang dihadapi oleh keluarga kerana sehingga ke hari ini kita tidak tahu nasib yang menimpa penumpang serta kru pesawat itu," katanya lagi.

Pesawat Boeing 777-200ER milik Malaysia Airlines (MAS) yang dalam penerbangan ke Beijing hilang sejak awal pagi Sabtu dan masih belum ditemui sehingga hari ini.

Sehingga kini, Malaysia telah menerima bantuan kemanusiaan dari 26 buah negara yang turut mengesan dan menjejaki pesawat terbabit di perairan negara masing-masing.

Misi mencari dan menyelamatkan yang dilancarkan sejak hari pertama mencatatkan usaha pencarian terbesar dan paling lama dalam sejarah iaitu selama 240 jam.

Copyright © Astro Awani Network Sdn. Bhd. 2014 (535275-D).

Source: <http://www.astroawani.com/news/show/mh370-tun-mahathir-hairan-teknologi-canggih-gagal-kesan-pesawat-32048?cp>